

Lembaga Tatatertib Peguam Bela & Peguam Cara

**NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

**1. Pengenalan**

Lembaga Tatatertib Peguambela & Peguam Cara (“LTTP”) telah ditubuhkan pada 1992 di bawah Seksyen 93 Akta Profesional Undang-undang 1976. LTTP beroperasi di Unit 5.02, Aras 5, Wisma Badan Peguam Malaysia, No. 2, Leboh Pasar Besar, 50050 Kuala Lumpur, Malaysia.

Sejajar dengan objektif Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”), LTPP komited untuk melindungi Data Peribadi dan privasi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi (“Notis”) ini menggariskan cara LTPP mengumpul, mengawal, memproses dan melindungi Data Peribadi yang diperoleh melalui penglibatan anda dengan perkhidmatan kami. Ia terpakai kepada semua individu yang ditadbir di bawah APDP dan meliputi data yang dikumpul sebelum dan selepas pengeluaran notis ini.

Untuk Notis ini, "Data Peribadi" dan "pemprosesan" mempunyai maksud seperti yang terdapat di dalam APDP.

**2. Pengumpulan Data Peribadi**

Pengumpulan Data Peribadi anda adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk tidak memberikan Data Peribadi atau tidak bersetuju dengan Notis Perlindungan Data Peribadi ini, LTPP berkemungkinan tidak dapat berkomunikasi dengan anda atau memberikan perkhidmatan yang anda perlukan dengan berkesan. Dengan memberikan Data Peribadi anda sendiri atau individu lain, anda mengesahkan bahawa anda dan individu lain tersebut bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi seperti yang digariskan dalam notis ini.

Sila elakkan daripada menghantar Data Peribadi kepada kami jika anda tidak mahu ia digunakan dengan cara ini.

### **3. Penerangan Mengenai Data Peribadi**

Data Peribadi yang dikawal, diproses dan/atau digunakan oleh LTPP termasuk dan tidak terhad kepada nama, alamat, jantina, umur, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor passport, butiran hubungan (alamat e-mel, nombor telefon bimbit), imej (pegun/rakaman), butiran akaun bank, pekerjaan, keutamaan, minat, maklumat tentang firma anda dan/atau maklumat lain yang berkaitan dengan tujuan seperti yang disenaraikan dalam perenggan 4. LTPP juga berkeberangkalian mengumpul Data Peribadi yang sensitif seperti kesihatan fizikal atau mental atau keadaan perubatan, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, pelakuan atau dakwaan telah melakukan sebarang kesalahan dan maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi yang ditakrifkan oleh undang-undang atau piawaian privasi antarabangsa.

### **4. Tujuan Pengumpulan Data Peribadi**

Data Peribadi anda mungkin dikawal, diproses dan digunakan oleh LTPP untuk tujuan berikut yang berkaitan dengan perkhidmatan yang anda perolehi dan aktiviti operasi LTPP, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Berkomunikasi dengan anda dan menjawab sebarang pertanyaan atau aduan daripada anda berkaitan prosiding tatatertib LTPP;
- Tujuan pentadbiran dalaman, termasuk fungsi dan aktiviti pentadbiran sumber manusia;
- Menjalankan fungsi berkanun LTPP, termasuk dan tidak terhad kepada pengeluaran Perintah Tatatertib;
- Mempertahankan permohonan semakan kehakiman prosiding tatatertib di mahkamah undang-undang;
- Prestasi fungsi dan operasi pembangunan profesional LTPP, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara yang berkaitan dengan prosiding tatatertib, acara, program latihan, bengkel atau ceramah yang dianjurkan atau ditaja oleh LTPP;
- Menperolehi sebarang kepentingan sah LTPP, termasuk mendapatkan semula sebarang jumlah terhutang kepada LTPP (jika berkenaan); dan
- Sebarang tujuan lain yang berkaitan atau bersampingan dengan tujuan di atas.

## 5. Sumber Data Peribadi

Sebagai tambahan kepada Data Peribadi yang anda berikan kepada LTPP secara langsung, LTPP juga boleh mengumpul Data Peribadi daripada pelbagai sumber, termasuk dan tidak terhad kepada e-mel anda atau cara komunikasi lain dengan kami, hubungan operasi am kami dengan anda, penyertaan anda dalam prosiding tatatertib kami, acara, seminar dan aktiviti lain, dan melalui laman sesawang LTPP kami di <https://asdb.org.my/> ("laman sesawang").

Data Peribadi mungkin diberikan oleh seseorang bagi pihak anda, dan LTPP akan menganggap, melainkan diberitahu sebaliknya, bahawa anda telah membenarkan pendedahan Data Peribadi anda kepada kami.

Apabila anda menggunakan laman sesawang kami, anda tidak perlu memberikan sebarang Data Peribadi di kawasan awam laman sesawang kami. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk memberikan kami maklumat dengan menghubungi kami, termasuk untuk pertanyaan atau permohonan kerjaya.

Laman sesawang kami juga mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang yang dikawal oleh pihak ketiga. Sila ambil perhatian bahawa LTPP tidak mengawal, mengesyorkan atau menyokong laman sesawang ini. LTPP tidak bertanggungjawab ke atas amalan privasi orang lain, termasuk cara syarikat atau organisasi lain mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau melindungi maklumat yang diberikan kepada mereka.

Notis ini terpakai semata-mata untuk maklumat yang dikumpul oleh laman sesawang yang diselenggara oleh LTPP. Jika anda memilih untuk mengakses laman sesawang pihak ketiga yang dipautkan ke laman sesawang kami, anda berbuat demikian atas risiko sendiri dan tertakluk kepada sebarang syarat perkhidmatan atau dasar privasi (jika ada) yang dikaitkan dengan pihak ketiga tersebut.

## 6. Pendedahan Data Peribadi

LTPP mungkin berkongsi Data Peribadi anda dengan pekerja kami, ahli lembaga pengarah, ahli gabungan, rakan kongsi strategik, penyedia perkhidmatan/vendor, ejen yang dilantik, perunding, kontraktor, penasihat undang-undang, juruaudit luar dan sesiapa sahaja yang mempunyai tanggungjawab kerahsiaan kepada LTPP.

Jika perlu, LTPP juga boleh mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyedia perkhidmatan teknologi maklumat (IT), penyedia kemudahan storan, badan profesional, institusi latihan, bank, institusi kewangan, penyedia insurans, pengawalseliaan dan kerajaan dan/ atau pihak berkuasa bukan kerajaan untuk mematuhi keperluan berkanun dan kerajaan, termasuk kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4 di atas.

LTPP akan mendedahkan Data Peribadi anda seperti yang dikehendaki oleh undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Profesional Undang-undang 1976.

## **7. Integriti & Keselamatan Data Peribadi**

LTPP komited untuk memastikan Data Peribadi anda disimpan dengan selamat dalam pangkalan data dan pejabat kami. Semua usaha yang munasabah dan langkah praktikal telah diambil untuk memastikan bahawa mana-mana Data Peribadi yang dipegang oleh LTPP dilindungi daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau kemusnahan.

Jika pemprosesan data kami dijalankan oleh pihak ketiga, LTPP akan memastikan bahawa mereka mematuhi piawaian kami. Sebarang Data Peribadi yang dibekalkan oleh anda akan disimpan oleh LTPP jika perlu dan suai manfaat untuk memenuhi sebarang tujuan seperti yang dinyatakan di atas, mengikut amalan dalaman kami, keperluan kawal selia, keperluan undang-undang dan perakaunan.

## **8. Pemindahan Data Peribadi**

Harap maklum bahawa kemudahan dan pelayan storan teknologi LTPP mungkin berada di negara lain. Oleh itu, Data Peribadi anda mungkin dipindahkan, disimpan, digunakan dan diproses dalam bidang kuasa di luar Malaysia. Tambahan pula, Data Peribadi anda mungkin dipindahkan keluar dari Malaysia kerana bakal pengadu, responden dan/atau pelanggan berada di luar Malaysia. Dengan terus menggunakan perkhidmatan kami, anda memahami dan bersetuju dengan pemindahan Data Peribadi anda keluar dari Malaysia seperti yang dinyatakan di atas.

## 9. Tujuan pemasaran dan promosi

LTPP hanya menggunakan maklumat anda berkaitan dengan menyediakan perkhidmatan LTPP, yang termasuk:

- menjemput anda ke acara LTPP yang anda mungkin berminat;
- menyediakan dan menambah baik mutu perkhidmatan kami kepada anda dan pelanggan anda;
- menguruskan hubungan simbiotik kami dengan anda dan pelanggan anda;
- memenuhi kewajipan undang-undang kami, melindungi kepentingan dan hak undang-undang kami; atau
- tujuan operasi lain yang sah.

LTPP tidak akan menjual atau menjadikan maklumat peribadi tersedia secara komersial kepada mana-mana pihak ketiga, kecuali seperti yang diterangkan dalam Notis ini atau dengan kebenaran anda terlebih dahulu.

## 10. Hak Subjek Data

Pemberian Data Peribadi anda kepada kami adalah secara sukarela. Anda boleh menarik balik kebenaran anda untuk kami mengumpul, memproses, menggunakan, menyimpan, atau mengehadkan pemrosesan Data Peribadi anda untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis menggunakan alamat yang diberikan dalam perenggan 13. Jika anda tidak memberikan Data Peribadi atau jika Data Peribadi yang dibekalkan apabila diminta tidak mencukupi, LTPP berkemungkinan tidak dapat berkomunikasi dengan anda, dan ini mungkin menjelaskan keupayaan LTPP untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan di atas dan keupayaan anda untuk menikmati rangkaian penuh manfaat yang disediakan. Jika anda tidak memaklumkan kepada kami, LTPP akan menganggap bahawa LTPP mempunyai kebenaran tersirat anda untuk menggunakan Data Peribadi anda seperti yang diterangkan di atas.

Tertakluk kepada sebarang pengecualian di bawah undang-undang yang terpakai, anda mempunyai hak untuk meminta perkara berikut pada bila-bila masa:

- **Akses kepada Data Peribadi:**

Anda boleh meminta akses kepada Data Peribadi anda yang diproses oleh kami dengan notis yang munasabah. Permintaan akses boleh dibuat dengan

menghantar e-mel ke [secretariat@asdb.org.my](mailto:secretariat@asdb.org.my) atau dengan melawati tempat operasi kami.

- **Pembetulan/ kemas kini Data Peribadi:**

Anda mempunyai hak untuk meminta pembetulan dan/atau kemas kini Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap atau lapuk. Permintaan pembetulan boleh dibuat dengan menghantar e-mel ke [secretariat@asdb.org.my](mailto:secretariat@asdb.org.my) atau dengan melawati tempat operasi kami.

- **Mengehadkan Pemprosesan Data Peribadi:**

Anda berhak untuk mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda dengan menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini secara nyata, tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang berkenaan, syarat kontrak dan dalam masa yang munasabah.

Permintaan anda mungkin tertakluk pada sekatan atau syarat undang-undang. Sila berikan kami masa yang munasabah untuk bertindak balas dan membuat sebarang perubahan yang diperlukan. Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Data Peribadi, LTPP berhak untuk menolak permintaan anda untuk akses dan/atau pembetulan kepada Data Peribadi anda jika dengan memberikan akses adalah mahal yang tidak munasabah berbanding dengan potensi risiko kepada privasi anda. Di samping itu, sila maklum bahawa LTPP mungkin akan meminta Data Peribadi baru daripada anda. Dengan memberikan kami Data Peribadi atau terus berkomunikasi dengan LTPP, anda bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi oleh LTPP dan individu yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan bagi pihak LTPP.

## **11. Perubahan kepada Polisi Peribadi**

LTPP berhak untuk mengubah suai, mengemas kini atau meminda terma Notis ini pada bila-bila masa dengan menyiaran versi terkini di laman sesawang LTPP. Jika anda terus berkomunikasi dengan LTPP atau menggunakan perkhidmatan LTPP selepas perubahan ini, adalah bermakna anda menerima pengubahsuaian terma Notis. LTPP mengesyorkan anda menyemak kemas kini Notis ini di laman sesawang kami dengan kerap, kerana versi semasa akan sentiasa dipaparkan di sana.

## **12. Pengakuan dan Persetujuan**

Apabila anda berkomunikasi, beriteraksi dengan LTPP atau menggunakan perkhidmatan LTPP, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami Notis ini. Anda juga bersetuju dan memberangkan akan penggunaan, pemprosesan, pendedahan dan pemindahan Data Peribadi anda oleh LTPP seperti yang diterangkan dalam notis ini. Anda boleh menarik balik kebenaran anda dengan memberikan notis bertulis kepada LTPP menggunakan butiran hubungan yang dinyatakan dalam perenggan 13.

## **13. Pertanyaan dan Aduan**

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang pegangan LTPP Data Peribadi, atau jika anda mempunyai soalan tentang cara maklumat anda dikumpul atau digunakan, yang tidak dijawab oleh Notis Privasi ini, atau jika anda ingin meminta akses kepada atau membetulkan Data Peribadi anda, atau menarik balik/menghadkan persetujuan anda, sila hantar permintaan anda secara bertulis ke alamat dibawah:

### **LEMBAGA TATATERTIB PEGUAM BELA & PEGUAM CARA**

Unit 5.02, Aras 5, Wisma Badan Peguam Malaysia,  
No. 2, Leboh Pasar Besar, 50050 Kuala Lumpur, Malaysia.  
u/p.: Pengarah, Urus Setia Aduan

Emel: [secretariat@LTPP.org.my](mailto:secretariat@LTPP.org.my)

Tel No.: (603) 26973333

Notis ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kedua-duanya, versi Bahasa Inggeris adalah diutamakan.

Tarikh: 27.07.2024